

**SURAT PEKELILING DALAMAN
PUSTAKA/100-1/1/2 /JLD.1 (046)**

Kepada : Semua Staf Pustaka Negeri Sarawak
Perkara : Pelaksanaan Pengurusan Perjalanan Kendiri Bagi Tujuan Latihan atau Perjalanan Rasmi
Tarikh : 1 Mei 2026

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Dalaman ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Sektor Bil. 3/2026 yang telah diadakan pada 28 April 2026 berhubung pelaksanaan pengurusan perjalanan kendiri bagi staf yang menghadiri latihan.
- 1.2 Surat Pekeliling Dalaman ini turut dipanjangkan kepada pengurusan perjalanan rasmi jabatan.

2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Permohonan latihan yang memerlukan pengurusan perjalanan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sekurang-kurangnya sembilan 9 hari sebelum tarikh latihan (termasuk Sabtu, Ahad dan cuti umum). Syarat ini turut dipanjangkan kepada pengurusan perjalanan rasmi jabatan yang melibatkan pegawai tempahan di Unit Rejistri.
- 2.3 Bagi permohonan yang dikemukakan kurang daripada tempoh tersebut, staf dikehendaki menguruskan sendiri perjalanan masing-masing.
- 2.4 Tempahan perjalanan hendaklah dibuat secara tuntutan semula (*self-reimbursement basis*) atau pembelian terus (*direct purchase*), tertakluk kepada pematuhan prosidur kewangan serta garis panduan pembelian terus yang sedang berkuat kuasa.
- 2.5 Sebarang perubahan terhadap tempahan perjalanan tersebut adalah di bawah tanggungjawab pemohon.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai kepada semua pegawai dan staf Pustaka Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.



Tuan Haji Japri Haji Bujang Masli
Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak